

AKSB diminta selesai isu bekalan air Kelantan

KOTA BAHARU 25 Ogos - Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed menggesa syarikat Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) menyelesaikan kemelut 21 tahun masalah bekalan air negeri itu yang tidak pernah selesai.

Beliau yang juga Anggota Parlimen Jeli berkata, di kawasan parlimennya juga kini menghadapi masalah bekalan air sejak semalam dan ia menyulitkan penduduk Jeli beribadat di bulan Ramadan terutama dalam aspek kebersihan.

Katanya, penduduk juga mengadu dengan ketiadaan bekalan air, ia menyulitkan mereka untuk membuat persiapan sambutan Aidilfitri.

"Saya khawatir dengan perkembangan kesihatan kini berdasarkan laporan kajian Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) bahawa Penduduk Hulu Kelantan menghadapi risiko penyakit leptospirosis atau kencing tikus dari sumber air di kawasan itu," katanya kepada pemberita di sini malam tadi.

Beliau berkata demikian mengulas aduan rakyat di kawasan parlimennya sejak beberapa hari lepas mengenai masalah bekalan air. - Bernama

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0825&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_07.htm